



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

## KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO		
TARIKH	:	4/9/2021 (SABTU)	MUKA SURAT	: 20
JABATAN	:	-		



SHARIFFA Sabrina diiringi Setiausaha Otai Reformis, Abdul Razak Ismail (tengah) menyerahkan memorandum bantahan penyahwartaan Hutan Simpan Kuala Langat Utara, semalam.

### **Infrastruktur di Selangor sudah mencukupi, tak perlu lupus HSKLU**

**Shah Alam:** Tidak wajar berlaku lagi kemusnahan hutan di Malaysia dan kerajaan Selangor perlu membatalkan penyahwartaan Hutan Simpan Kuala Langat Utara (HSKLU).

Presiden Pertubuhan Pelindung Khazanah Alam Malaysia (Peka), Puan Sri Shariffa Sabrina Syed Akil berkata, pembangunan serta infrastruktur di Selangor sudah cukup sempurna dan tidak perlu lagi membina tambahan apa-apa.

"Kami meminta Menteri Besar membatalkan terus penyahwartaan HSKLU, kami tidak mahu lagi hutan negara dimusnahkan.

"Selangor sudah cukup banyak pembangunan dan infrastruktur, tidak perlu lagi membina apa-apa, sebaliknya bina (wujudkan) lebih banyak kawasan hijau untuk anak-anak kita.

"Selangor seharusnya menjadi contoh buat negeri-negeri lain dalam aspek pemeliharaan kawasan hu-

tan simpan yang menjadi sumber penyerapan air hujan," katanya selepas sesi penyerahan memorandum bersama Otai Reformasi 98 dan Pertubuhan Perubahan Rakyat Malaysia yang mendesak kerajaan Selangor membatalkan penyahwartaan HSKLU di luar perkarangan pagar utama Bangunan Setiausaha Kerajaan (SUK) di sini, semalam.

Shariffa Sabrina berkata, pihaknya mahu sesi pendedaran awam diadakan se-

mula dan memberi tempoh sebulan untuk kerajaan negeri memberi maklum balas mengenai tuntutan yang dibuat.

Terdahulu, Pakatan Harapan (PH) Selangor dalam kenyataan semalam memaklumkan Menteri Besar, Datuk Seri Amirudin Shari, akan membawa isu berkaitan penyahwartaan HSKLU ke Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) pada 8 September ini.

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Tenaga dan Sumber Asli  
No. Tel. : 03-8000 8000 | Faks : 03-8889 4763 | Web : [www.ketsa.gov.my](http://www.ketsa.gov.my)

